

PERADUAN NESTLÉ PROFESSIONAL BANGKIT BERSAMA 2

TERMA & SYARAT

Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <u>Penganjur:</u>	Nestlé Products Sdn. Bhd. [197901000966].
2. <u>Promosi:</u>	PERADUAN NESTLÉ PROFESSIONAL BANGKIT BERSAMA 2.
3. <u>Tempoh Promosi:</u>	Promosi bermula pada 00:00:00 pada 15/08/2020 dan ditutup jam 23:59:59 pada 25/10/2020.
4. <u>Kelayakan:</u>	Promosi ini dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang sah dengan dokumen pengenalan yang sah, berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
5. <u>Kaedah Penyertaan:</u>	<p>a. Untuk menyertai Promosi, beli mana-mana set hidangan makanan atau minuman berikut ["Produk"] dari mana-mana outlet ["Outlet"] yang turut serta:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. SET 1 - satu [1] cawan mana-mana minuman* NESTLÉ, <u>ATAU</u> ii. SET 2 - satu [1] cawan mana-mana minuman* NESTLÉ dan satu [1] hidangan Mi MAGGI (sup/goreng) atau mana-mana hidangan** <p>*Minuman NESTLÉ juga termasuk minuman tin MILO atau NESCAFÉ Sedia Untuk Diminum ORIGINAL.</p> <p>**Hidangan bermaksud hidangan makanan yang dihidangkan di Outlet turut serta.</p> <p>b. Untuk senarai lengkap Outlet turut serta sila log masuk ke: https://www.dearnestle.com.my/event-and-happening/peraduan-bangkit-bersama. Senarai Outlet turut serta akan dikemaskini secara berkala. Peserta dinasihatkan untuk merujuk senarai tersebut sekerap mungkin untuk maklumat terkini.</p> <p>c. Semua Outlet yang mengambil bahagian akan mempamerkan bahan Promosi dagangan di Outlet mereka sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>d. Bukti pembelian ("BP") yang diperlukan adalah <u>SAMA ADA</u>:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. satu [1] resit pembelian bercetak yang dikeluarkan oleh Outlet yang turut serta dengan nama outlet, tarikh pembelian, Produk dibeli dan jumlah ["Butiran Resit"]; <u>ATAU</u>

	<p>ii. satu [1] Kupon Peraduan dengan nombor bersiri unik yang dikeluarkan oleh Outlet berkaitan yang turut serta. Outlet akan memberikan satu [1] Kupon Peraduan untuk pembelian Set 1 dan dua [2] Kupon Peraduan untuk Set 2.</p> <p>e. <u>Langkah-langkah penyertaan WhatsApp - Resit:</u></p> <p>i. Tulis di depan Resit asal nama penuh dan nombor pengenalan anda ["Butiran Peribadi"].</p> <p>ii. Tangkap satu [1] gambar dalam format imej yang <u>jelas dan boleh dibaca</u> dari satu [1] Resit asal lengkap dengan Butiran Peribadi dan Butiran Resit anda.</p> <p>iii. Hantar satu [1] gambar dalam format imej melalui WhatsApp dari mana-mana nombor yang berdaftar di Malaysia ke 016-5699957 ["Penyertaan WhatsApp"].</p> <p>f. <u>Langkah-langkah penyertaan WhatsApp - Kupon Peraduan:</u></p> <p>i. Lengkapi Kupon Peraduan asal dengan butiran peribadi yang diperlukan ["Butiran Peribadi"].</p> <p>ii. Tangkap satu [1] gambar dalam format imej yang <u>jelas dan boleh dibaca</u> dari satu [1] Kupon Peraduan lengkap dengan Butiran Peribadi dan nombor bersiri unik anda.</p> <p>iii. Hantar satu [1] gambar dalam format imej melalui WhatsApp dari mana-mana nombor yang berdaftar di Malaysia ke 016-5699957 ["Penyertaan WhatsApp"].</p> <p>g. Penganjur TIDAK AKAN menghantar laporan perakuan penerimaan penyertaan untuk Penyertaan yang diterima.</p> <p>h. Penganjur hanya akan menerima penyertaan melalui WhatsApp <u>sahaja</u>. Semua bentuk penyertaan lain akan dibatalkan. Setiap BP hanya layak untuk satu [1] penyertaan melalui WhatsApp SAHAJA. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan WhatsApp dengan BP yang diduplikasi dan/atau mengandungi lebih daripada satu [1] BP.</p> <p>i. Penganjur akan MENCETAK semua Penyertaan WhatsApp yang diterima untuk proses selanjutnya. Gambar dalam format imej yang tidak jelas, tidak dapat dibaca dan tidak lengkap akan dibatalkan penyertaannya.</p> <p>j. Penganjur berhak untuk meminta bukti BP asal [salinan cetak] dan Persetujuan termasuk dokumen pengenalan untuk pengesahan dan</p>
--	--

	<p>penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salah satu dokumen di atas akan menyebabkan kehilangan kelayakan dan pembatalan hadiah.</p>										
<p>6. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u></p>	<p>Semua penyertaan Promosi mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 25/10/2020. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi yang berkenaan akan dibatalkan secara automatik.</p>										
<p>7. <u>Hadiah Mingguan:</u></p>	<p>a. Terdapat empat puluh [40] Hadiah Mingguan berupa wang tunai RM100 setiap satu untuk dimenangi setiap minggu selama sepuluh [10] minggu berturut-turut. Terdapat sejumlah empat ratus [400] Hadiah Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>b. Sepuluh [10] tempoh mingguan adalah seperti di bawah:</p> <table> <tr> <td>Minggu 1: 15/08 – 21/08/2020</td> <td>Minggu 2: 22/08 – 28/08/2020</td> </tr> <tr> <td>Minggu 3: 29/08 – 04/09/2020</td> <td>Minggu 4: 05/09 – 11/09/2020</td> </tr> <tr> <td>Minggu 5: 12/09 – 18/09/2020</td> <td>Minggu 6: 19/09 – 25/09/2020</td> </tr> <tr> <td>Minggu 7: 26/09 – 02/10/2020</td> <td>Minggu 8: 03/10 – 09/10/2020</td> </tr> <tr> <td>Minggu 9: 10/10 – 16/10/2020</td> <td>Minggu 10: 17/10 – 25/10/2020</td> </tr> </table>	Minggu 1: 15/08 – 21/08/2020	Minggu 2: 22/08 – 28/08/2020	Minggu 3: 29/08 – 04/09/2020	Minggu 4: 05/09 – 11/09/2020	Minggu 5: 12/09 – 18/09/2020	Minggu 6: 19/09 – 25/09/2020	Minggu 7: 26/09 – 02/10/2020	Minggu 8: 03/10 – 09/10/2020	Minggu 9: 10/10 – 16/10/2020	Minggu 10: 17/10 – 25/10/2020
Minggu 1: 15/08 – 21/08/2020	Minggu 2: 22/08 – 28/08/2020										
Minggu 3: 29/08 – 04/09/2020	Minggu 4: 05/09 – 11/09/2020										
Minggu 5: 12/09 – 18/09/2020	Minggu 6: 19/09 – 25/09/2020										
Minggu 7: 26/09 – 02/10/2020	Minggu 8: 03/10 – 09/10/2020										
Minggu 9: 10/10 – 16/10/2020	Minggu 10: 17/10 – 25/10/2020										
<p>8. <u>Maklumat Pengadilan - Hadiah Mingguan:</u></p>	<p>a. Sebagai sebahagian proses pemilihan pemenang Hadiah Mingguan, Penganjur akan memperuntukkan Nombor Bersiri untuk semua Penyertaan WhatsApp diterima dan diluluskan oleh Penganjur sebagai penyertaan yang berjaya setiap minggu, sepanjang Tempoh Promosi berdasarkan BP yang dihantar [masing-masing dan secara kolektif adalah "Penyertaan Layak"].</p> <p>b. Setiap penyertaan layak akan diperuntukkan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Resit dengan pembelian Set 1 - satu [1] nombor bersiri; Resit dengan pembelian Set 2 - dua [2] nombor bersiri; Kupon Peraduan - satu [1] nombor bersiri. <p>c. Untuk setiap minggu, satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>d. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak untuk minggu tersebut ialah 2169, Penganjur akan mengira dan memilih finalis Hadiah Mingguan ["Finalis</p>										

	<p>Mingguan”] berdasarkan cara berikut:</p> <p>i. Pemilihan empat puluh [40] Finalis Hadiah Mingguan: $2169 \div 40 = 54.22$. Oleh sebab pembahagian 2169 dengan 40 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 54.22 akan dibundarkan ke bawah kepada 54. 40 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak minggu tersebut yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih sebagai Finalis: 54*, 108*, 162*, 216 270, 324 dan seterusnya. [*contoh pengiraan: 54, $54+54=108$, $108+54=162$].</p>
<p>9. <u>Hadiah Dwi-Mingguan:</u></p>	<p>a. Terdapat dua puluh [20] Hadiah Utama Dwi-Mingguan berupa RM300 wang tunai setiap satu untuk dimenangi pada setiap dwi-minggu selama lima [5] tempoh dwi-minggu berturut-turut. Terdapat sejumlah seratus [100] Hadiah Dwi-Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>b. Lima [5] tempoh dwi-mingguan adalah seperti berikut: Dwi-Minggu 1: 15/08 – 28/08/2020 Dwi-Minggu 2: 29/08 – 11/09/2020 Dwi-Minggu 3: 12/09 – 25/09/2020 Dwi-Minggu 4: 26/09 – 09/10/2020 Dwi-Minggu 5: 10/10 – 25/10/2020</p>
<p>10. <u>Maklumat Pengadilan - Hadiah Dwi-Mingguan:</u></p>	<p>a. Sebagai sebahagian proses pemilihan pemenang Hadiah Dwi-Mingguan, SEMUA Penyertaan Layak akan diterima dan diproses oleh Penganjur semasa proses pemilihan finalis mingguan dan sepanjang setiap Tempoh Dwi-Mingguan secara berasingan akan diperuntukkan satu set nombor bersiri bermula dari nombor bersiri “1”.</p> <p>b. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak [“Jumlah Penyertaan Layak”]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak untuk dwi-minggu tersebut ialah 6278, Penganjur akan mengira dan memilih finalis Hadiah Dwi-Mingguan [“Finalis Dwi-Mingguan”] berdasarkan cara berikut:</p> <p>i. Pemilihan dua puluh [20] Finalis Hadiah Dwi-Mingguan: $6278 \div 20 = 313.90$. Oleh sebab pembahagian 6278 dengan 20 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 313.90 akan dibundarkan ke bawah kepada 313. 20 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak dwi-minggu tersebut yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih sebagai Finalis: 313*, 626*, 939*, 1252, 1565, 1878 dan seterusnya. [*contoh pengiraan:</p>

	313, 313+313=626, 939+313=939].
<p>11. <u>Terma</u> <u>Tambahan:</u></p>	<p>a. Penganjur akan menghubungi semua Finalis menerusi nombor hubungan atau nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu [1] soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab.</p> <p>b. Pemenang mesti memberikan BP asal [salinan cetak] dan dokumen pengenalan untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salah satu dokumen di atas akan menyebabkan hilang kelayakan dan pembatalan hadiah.</p> <p>c. Setiap peserta sepanjang Tempoh Promosi hanya boleh memenangi:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Satu [1] Hadiah Mingguan setiap minggu, [maksima sehingga dua [2] Hadiah Mingguan]; dan/atau ii. Satu [1] Hadiah Dwi-Mingguan. <p>d. Semua hadiah dalam bentuk cek yang ditulis atas nama pemenang akan dihantar kepada pemenang dalam tempoh 6 – 8 minggu dari 25/09/2020 ke alamat yang diberikan oleh pemenang. Penganjur berhak untuk melanjutkan jangka masa yang dinyatakan di bawah klausa ini disebabkan alasan di luar kawalan Penganjur.</p> <p>e. Semua hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditetapkan oleh Penganjur akan dibatalkan.</p> <p>f. Pihak Penganjur mengekalkan hak untuk menggantikan sebarang hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya sekiranya hadiah asal yang ditawarkan tidak tersedia.</p>

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di <https://www.dearnestle.com.my/event-and-happening/peraduan-bangkit-bersama>, secara kolektif dinamakan “**Terma dan Syarat**”, yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

Dengan menyertai Promosi, anda telah membaca dan bersetuju dengan **Terma dan Syarat** dan pemprosesan maklumat peribadi anda dalam Notis Privasi.

Talian Percuma Khidmat Pengguna: 1800 88 3433.

Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua Peserta (dan ibu bapa/penjaga Peserta yang sah, jika Peserta bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”). Jika terdapat sebarang ketidakseragaman antara syarat Penyertaan ini dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlakanya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta, dan surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayani.

2. Penyertaan Promosi

- 2.1 Dengan mengemukakan Penyertaan untuk Promosi ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada Penyertaan dalam Promosi, termasuk tanpa terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan oleh Peserta semasa atau berhubung dengan Promosi hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.4 Bukti penghantaran Penyertaan bukan bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang Penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau Penyertaan yang tidak diterima. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian

atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan Penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Jika umur kelayakan Peserta sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan iaitu di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang ditetapkan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah sebelum menyertai Promosi dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi termasuk tanpa had, dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah dalam kes Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Tidak layak

Kumpulan orang di bawah tidak layak untuk menyertai Promosi:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang ada kaitan dengan Promosi dan ahlikeluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

5.1 Penyertaan berikut akan disingkirkan:

- (b) Penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Promosi dengan pemalsuan, penipuan atau perdayaan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi apabila diminta untuk pengesahan Penganjur.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang lucut kelayakan.

6. Hadiah

- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang gagal mengutip Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.
- 6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) Tiket Acara:

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) Hadiah Pelancongan/Percutian:

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti diambil menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan sedia ada.” Hadiah hendaklah digunakan/diambil atas risiko Peserta sepenuhnya dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk kutipan.
- 6.7 Jika Peserta bawah umur 18 tahun dan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga mereka yang sah sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan Penyertaan Peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Promosi (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama Peserta, dan/atau

persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Intelektual

Peserta bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berkaitan dengan Promosi dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau hasil kerja sedemikian dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta menyetepikan segala haknya ke atas bahan atau hasil kerja sedemikian.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Kumpulan Nestlé Malaysia"), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan segala kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat Penyertaan Peserta dalam Promosi, penerimaan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah, Penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berkaitan dengan Promosi atau pelanggaran Terma dan Syarat,

10. Had Liabiliti

10.1 Penyertaan Peserta dalam Promosi adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kehilangan atau kerosakan dan sebagainya yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang timbul daripada atau berkaitan dengan Penyertaan Peserta dalam Promosi, dan juga penebusan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah yang dimenangi.

11. Am

11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Promosi dan Terma dan Syarat jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan dalam keadaan sedemikian mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun.

- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam mana-mana bahan (termasuk bahan pemasaran dan Promosi) berhubung dengan Promosi, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Promosi ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada, pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik sedemikian bukan sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerahkan mana-mana hak atau subkontrak mana-mana the kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketaksahan, tindakan yang menyalhi undang-undang atau kegagalan pengutkuasaan mana-mana terma tidak akan menjejaskan atau mempengaruhi kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Promosi yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Promosi disediakan dalam bahawa Bahasa Inggeris dan bahasan lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasakan dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan hendaklah diertikan, ditadbir dan ditafsirkan (menurut undang-undang Malaysia).

12. Notis Privasi

- 12.1 Dengan menyertai Promosi, anda anda telah bersetuju untuk Nestlé Products Sdn. Bhd. dan mana-mana syarikat pegangan, subsidiari atau berkaitannya sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”) dan pembekal-pembekal perkhidmatan, ejen-ejen dan kontraktor-kontraktor yang memberikan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami (“Pihak-Pihak Ketiga Lantikan”) (secara kolektif “Penganjur” atau “kami”) memproses maklumat peribadi anda yang dikemukakan dalam borang Penyertaan Promosi bagi tujuan Promosi. Ini termasuk mendedahkan nama anda kepada masyarakat umum apabila anda menjadi pemenang dalam sesuatu pertandingan atau menyertai acara kami dengan menerbitkan nama, gambar-gambar dan lain-lain maklumat peribadi anda tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
- 12.2 Penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi anda bagi tujuan menghubungi dan menghantar maklumat atau bahan-bahan pemasaran dan Promosi mengenai produk kami, perkhidmatan, sampel, apa-apa Promosi, acara atau pertandingan yang dianjurkan oleh Penganjur. Sila nyatakan pilihan anda pada borang sekiranya anda bersetuju kepada penggunaan maklumat peribadi anda bagi tujuan ini.
- 12.3 Sekiranya anda bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang anda berhasrat untuk merujuk kepada Penganjur, anda mengakui

bahawa anda telah mendapatkan persetujuan daripada individu tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami.

- 12.4 Berkenaan dengan golongan bawah umur atau individu-individu yang tidak layak di bawah undang-undang untuk memberi kebenaran, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak bagi pihak mereka dan untuk bersetuju bagi pihak mereka kepada pemprosesan maklumat peribadi mereka selaras dengan Notis Privasi ini.
- 12.5 Pada masa tertentu Penganjur mungkin melantik Pihak-Pihak Ketiga Lantikan untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Pihak-Pihak Ketiga Lantikan adalah terikat secara kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyimpan maklumat dengan selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi anda dalam apa jua cara selain daripada yang dinyatakan di sini dan dalam Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy.
- 12.6 Pihak Penganjur adalah sebuah syarikat global dan maklumat peribadi anda mungkin akan dipindahkan merentasi sempadan. Penganjur akan memastikan bahawa data anda hanya akan dipindahkan ke negara yang mempunyai tahap undang-undang perlindungan data yang sama atau setara, seperti yang dinyatakan dalam Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy.
- 12.7 Setakat mana undang-undang terpakai membenarkan, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan, data peribadi anda yang disimpan oleh kami.

Semua permintaan atau pertanyaan bertulis anda hendaklah dialamatkan kepada:

- Hubungi : Pegawai Perlindungan Data Peribadi.
- Alamat: Nestlé Products Sdn. Bhd., 22-1, 22nd Floor, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara 47810, Petaling Jaya, Selangor.

Atau

- Borang Web: <https://www.nestle.com.my/contactus>.

Atau

- Hubungi kami: 1-800-88-3433.

- 12.8 Sila ambil perhatian bahawa Penganjur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses Penyertaan anda dalam Promosi dan tanpa maklumat yang diperlukan, kami tidak akan dapat memproses permohonan anda.
- 12.9 Untuk penerangan terperinci mengenai amalan privasi kami, sila rujuk kepada Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy. Kami berhak untuk mengemaskini dan meminda Notis Privasi ini atau Polisi Privasi kami dari semasa ke semasa.

12. Privacy Notice

- 12.1 By participating in the Promotion, You consent for Nestlé Products Sdn. Bhd. and any of its holding, subsidiary or related companies as defined in the Companies Act

2016 (“Nestlé Malaysia Group”) and service providers, agents and contractors who provide administrative and business support to us and act on our behalf (“Authorised Third Parties”) (collectively “Organiser”, “us”, “we” or “our”) to process your personal information provided in the Promotion entry form for purposes of the Promotion. This includes disclosing your name to the general public when you become a winner in a contest or participate in our events by publishing your name, photographs and other personal information without compensation for advertising and publicity purposes.

- 12.2 The Organiser may also use your personal information for purposes of contacting and sending to you marketing and promotional information or materials about our products, services, samples, any promotions, events or contests organised by the Organiser. Please indicate your option on the form if you agree to the use of your personal information for this purpose.
- 12.3 In the event that you agree to share and disclose personal information of a person whom you intend to refer to the Organiser, you acknowledge that you have obtained the consent of that person to share and disclose his/her personal information to us and to being contacted by us.
- 12.4 In respect of minors or individuals not legally competent to give consent, you confirm that they have appointed you to act for them and, to consent on their behalf to the processing of their personal information in accordance with this privacy notice.
- 12.5 At times the Organiser may retain Authorised Third Parties to process your personal information. All such Authorised Third Parties are contractually bound to take reasonable measures to keep information secure and not to use your personal information in any way other than that which is specified here and in our privacy policy at http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy.
- 12.6 The Organiser is a global company and your personal information may be transferred across borders. The Organiser will ensure that the country your data is transferred to has a similar or equivalent personal information protection laws in place, as set out in our privacy policy at http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy.
- 12.7 To the extent that the applicable law allows, you have the right to request for access to, request for a copy of, request to update or correct, your personal information held by us.

All your written requests or queries should be addressed to:

- Contact: Personal Data Protection Officer
- Address: Nestlé Products Sdn. Bhd., 22-1, 22nd Floor, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara 47810, Petaling Jaya, Selangor.

Or

- Webform: <https://www.nestle.com.my/contactus>.
- Call us: 1-800-88-3433.

- 12.8 Please note the Organiser requires your personal information in order to process your participation in the Promotion, without which we will not be able to process your application.
- 12.9 For a more detailed description of our privacy practices, please refer to our Privacy Policy at http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy. We reserve the right to update and amend this privacy notice or our privacy policy from time to time.